

RUJ. KAMI (OUR REF.) :  
RUJ. TUAN (YOUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 ( 38 )

4 Mac 2011

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 7 TAHUN 2011  
PENETAPAN HARI BEKERJA PADA 12 MAC 2011 (SABTU)  
KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti telah menetapkan hari Sabtu, 12hb Mac 2011 sebagai hari bekerja kepada semua staf bagi menghadiri majlis sempena Lawatan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak ke Universiti Malaysia Pahang, Pekan.

Sehubungan dengan itu, semua **staf diwajibkan hadir** ke majlis tersebut seperti ketetapan berikut:-

**Tarikh : 12 Mac 2011 (Sabtu)**  
**Masa : 8.00 pagi hingga 2.00 petang**  
**Tempat : Dataran Kolej Kediaman Ke-5 (KK5),  
Universiti Malaysia PAHANG  
26600 Pekan,  
Pahang Darul Makmur.**

Berikutan daripada penetapan hari bekerja pada 12hb Mac 2011 (Sabtu), staf Universiti Malaysia Pahang yang bertugas adalah layak untuk memohon cuti gantian tertakluk kepada prosedur sedia ada serta kelulusan ketua jabatan.

Bagi staf di UMP Kampus Gambang tidak dibenarkan menuntut elaun perjalanan kerana kemudahan pengangkutan disediakan. Perkhidmatan bas UMP akan berulang-alik dari Gambang ke Pekan bermula jam 7.00 pagi di hadapan Pejabat Bahagian Keselamatan UMP.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang Benar,

  
**(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

s.k - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)